EVOLUSI DEKAD
DEWAN LATIHAN MARA ke UITM
1956-2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA®

RONA TINTA

EDISI 2026



AI: MEMBANTU PELAJAR BELAJAR, ATAU MEMBANTU PELAJAR TIDAK LAGI BELAJAR?

Alia Nadira Rosle & Farrah Nadia Baharuddin

Kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai AI bukan lagi sesuatu benda baru atau asing. AI kini telah menjadi satu keperluan di dalam kehidupan setiap manusia di zaman kini tanpa mengira had umur. Dunia pendidikan juga tidak terlepas dari pengaruh penggunaan AI ini. Pelajar di zaman ini boleh menggunakan AI untuk mendapatkan pelbagai maklumat, menyelesaikan tugasan, mencari idea, membuat nota malahan untuk memahami sesuatu topik dengan lebih mudah. Hanya beberapa saat sahaja diperlukan, pelbagai maklumat dan jawapan boleh diperoleh dengan menaip soalan dalam sistem AI.

Pada dasarnya, perkembangan penggunaan AI ini sememangnya banyak memberi manfaat kepada para pelajar yang mana AI boleh menjadi salah satu alat pembelajaran untuk membantu pelajar yang mana AI boleh bertindak seperti tutor peribadi yang tersedia pada bila-bila masa. Sebagai contoh, seorang pelajar tidak memahami konsep Teorem Phytagoras dalam Matematik, pelajar boleh memberi arahan kepada AI untuk menerangkan konsep tersebut dengan menggunakan bahasa yang lebih mudah serta menunjukkan contoh soalan berserta penyelesaian jawapan.



Gambar 1: Perisian AI yang dapat membantu pelajar dalam pembelajaran

Namun begitu, kemudahan dan kesenangan yang ditawarkan oleh AI ini turut menimbulkan pelbagai persoalan yang membimbangkan. Adakah kewujudan sistem AI ini benar-benar membantu pelajar untuk belajar atau menjadikan pelajar terlampau bergantung kepada AI sehingga menyebabkan mereka tidak lagi perlu berfikir untuk menyelesaikan masalah sendiri? Pelajar mungkin tidak lagi akan berfikir, “Kenapa jawapannya begini” tetapi pelajar hanya perlu menaip di sistem AI “Tolong selesaikan masalah ini”. Hanya beberapa saat sahaja AI akan memberikan jawapan yang diperlukan tetapi proses pembelajaran tidak berlaku.

Kemudahan AI juga mempunyai potensi menggalakan budaya *copy and paste* di kalangan para pelajar terutamanya untuk menyiapakan tugasan yang diberi. Kebiasaan untuk menyiapkan tugasan pelajar perlu mencari maklumat, rujukan serta menghasilkan penulisan sendiri yang mana kini tugasan ini hanya boleh disiapkan dalam tempoh yang singkat dengan adanya bantuan AI. Walaubagaimanapun, ada sesetengah pelajar mengambil peluang menyalin terus maklumat yang diperoleh dari AI tanpa meniliti

dan memahami isi kandungan yang diberikan oleh AI. Hal ini, menimbulkan persoalan sama ada pelajar benar-benar memahami input daripda tugasan tersebut.



Gambar 2: Pelajar menggunakan AI dalam menyiapkan tugasan

Hakikatnya, setiap tugasan yang diberi kepada pelajar bukan bertujuan untuk mendapatkan jawapan penyelesaian yang betul semata-mata. Di sebalik proses menyiapkan tugasan itu sendiri merupakan salah satu proses pembelajaran yang menggalakkan para pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis melalui proses pencarian maklumat, membaca, membuat rujukan dan meyelesaikan masalah. Sekiranya keseluruhan proses ini diambil alih oleh AI, pelajar akan kehilangan peluang untuk mengembangkan kemahiran tersebut.

Oleh itu, persoalan cara penggunaan AI di kalangan para pelajar jangan dianggap enteng kerana teknologi AI akan terus berkembang pada zaman moden ini dan menjadi sebahagian daripada kehidupan. Adakah AI ini digunakan sebagai alat bantu kepada pelajar ataupun digunakan sebagai alat untuk menyiapakan tugasan mereka? Jika AI digunakan sebagai menggantikan proses berfikir di kalangan pelajar, kita perlu bertanya semula adakah AI ini membantu pelajar untuk belajar atau sebenarnya membantu pelajar untuk tidak lagi belajar? Kesimpulanya, AI sepatutnya menjadi pembantu kepada proses pembelajaran, bukan pengganti kepada proses berfikir.